

Panduan, Nasihat dan Perhatian Kepada Orang-orang yang Menunaikan Haji

Pada tiap-tiap tahun jemaah haji dari Malaysia yang menunaikan fardu haji ke Makkah al-Mukarramah sebanyak di antara lima ribu dengan lapan ribu orang. Jemaah-jemaah haji itu kebanyakannya pergi dengan menggunakan kapal-kapal haji yang ditentukan untuk membawa jemaah haji dan juga yang berangkat dengan menggunakan sebuah kapal terbang yang dikhususkan untuk membawa jemaah itu. Dengan jalan kapal terbang ini hanya bilangan yang sedikit jua.

Perjalanan dengan kapal laut sekarang ada dengan beberapa cara (kelas) iaitu dengan nama *Tourist Class (deck)*, kelas dua dan kelas Satu (lebih terkenal dengan nama *Saloon A* dan *Saloon B*). *Tourist Class* adalah terbahagi kepada beberapa bahagian (di petak-petak dan tiap-tiap seorang mendapat tempat tidurnya yang bertingkat-tingkat (bersusun). Di dalam tempat-tempat ini hanya barang-barang ringan sahaja yang boleh di taruh sedang barang-barang berat adalah dimuat dalam petak barang-barang yang akan dipunggah di pelabuhan Jeddah akan diangkat oleh kuli-kuli pelabuhan.

Perjalanan dari Tanah Melayu ke Jeddah biasa mengambil masa 14 hingga 16 hari. Di dalam pelayaran di kapal biasa diadakan jawatankuasa dan diadakan pula guru-guru untuk mengajar orang-orang haji. Biasanya yang mengajar itu ialah orang-orang yang telah biasa menunaikan fardu haji dan mengetahui hukum-hukumnya – rukun dan wajibnya dengan jalan menunjukkan amalan-amalan. Kerap dan bagusya pelajaran di kapal itu bergantung kepada kerjasama dan kecergasan penumpang-penumpang itu sendiri - sekalipun ada di sana ditetapkan di dalam kapal guru yang mengajar agama bagi mereka.


Lantikan guru-guru itu adalah dipilih oleh pengelola yang mengurus perjalanan di kapal itu tetapi biasanya pula yang mengajar itu tidak pernah pula pergi

haji – ia tahu akan hukumnya tetapi belum tahu cara mengamalkan kerana ia tidak pernah menunaikan haji.

Amalan-amalan lazimnya lebih banyak dengan perbuatan.

Biasanya jemaah-jemaah haji itu dimaklumkan oleh shaykh-shaykh haji – adakah setibanya di Jeddah akan terus ke Makkah atau pun akan pergi ke Madinah. Biasanya orang-orang yang berangkat dari Tanah Melayu dengan kapal pertama atau kedua – mereka setibanya di Jeddah akan meneruskan perjalanan ke Madinah – dan kerana itu di dalam pelayarannya hendaklah ia berniat ke Madinah dan hendaklah ia tidak berihram di laut Yalamlam – dan kerana ia berihram di suatu tempat yang bernama Bir Ali iaitu dalam masa ia balik dari Madinah menuju ke Jeddah kemudian terus ke Makkah. Biasanya mereka tinggal di Madinah sekurang-kurangnya delapan hari atau sembilan hari.

Bagi mereka yang belayar dengan kapal yang akhir biasa mereka setibanya di Jeddah akan diteruskan ke Makkah dan sesudah haji baharulah mereka dibenarkan pergi ke Madinah. Bagi mereka itu hendaklah berihram di laut Yalamlam. Tentang berihram ini, lazimnya di dalam kapal terbit pertentangan faham – sebahagian meluluskan supaya berihram di Jeddah dengan bersandarkan kepada *qaul daif* tetapi yang utamanya berihram hendaklah di laut Yalamlam mengikut *qaul* yang muktamad. Jemaah haji



Suatu pemandangan jalan menuju ke Arafah – di sini terletak istana raja yang indah dan molek.

Hendaklah mengingat bahawa mereka yang datang dari tempat yang sebegitu jauh – maka beramallah dengan amalan *qaul* yang muktamad supaya tidak rosak hajinya. Ini bertambah lagi kerana ada pendapat ulama yang memandang berihram di Jeddah - tidak di laut Yalamlam – hajinya tidak sah.

Bagi orang-orang yang berihram dilaut Yalamlam biasanya dua atau tiga jam sebelum sampai di laut Yalamlam adalah diperingatkan di dalam suatu siaran di kapal meminta orang-orang yang akan berihram bersiap-siap. Jika hendak mandi sunat ihram mandilah dan berihramlah dengan sembahyang sunat ihram umrah sekali. Apabila kelak kapal itu berhadapan betul dengan laut Yalamlam maka serunai kapal

dibunyikan dan masing-masing orang haji hendaklah berniat akan ihramnya.

Lebih kurang tiga atau empat jam kemudiannya kapal akan sampai di Pelabuhan Jeddah. Kapal-kapal haji biasanya rapat di pelabuhan. Jemaah-jemaah haji dibenarkan turun badan sahaja – yakni dengan membawa pasport, dan seumpamanya yang boleh dibimbit. Beg-beg mereka hendaklah ditinggalkan di kapal. Inilah perlunya mengapa beg-beg itu diberi nama atau ditampal label bersama-sama dengan nama atau tanda shaykh masing-masing supaya kalau barang-barang itu tertinggal kelak dapat diserahkan kepada shaykh-shaykh mereka.

Sebuah tangga turun pelabuhan diadakan. Jemaah

mestilah turun di tingkat itu. Setiba sahaja di hujung tangga ia pun terus dinaikkan ke atas titi yang memang disediakan untuk membawa mereka “*ke pintu soal*” iaitu tempat-tempat memeriksa pas-pas mereka dan di sana mereka ditanya siapa shaykhnya. Biasanya wakil-wakil shaykh ada disitu. Merekalah yang akan mengambil pasport-pasport kita dan membawa kita ke pihak mereka.

Sesudah itu maka kita akan menanti di pejabat kastam untuk memilih beg-beg kita dan menghimpunkannya di tempat-tempat himpunan kita. Di sinilah didapati kepayahan sedikit sebab barang-barang kita sudah bercampur baur dengan barang-barang orang lain.

Sudah barang-barang terhimpun maka shaykh masing-masing atau wakil-wakilnya akan mengurus barang-barang itu. Jemaah-jemaah haji akan dibawa oleh shaykh-shaykhnya atau wakil-wakilnya ke Madinah al-Haj untuk bermalam di sana, satu atau dua malam

Di Madinah al-Haj akan terhimpun dengan jemaahnya masing-masing dan akan tinggal bersama-sama di dalam bilik yang terbuka. Jemaah boleh berunding dengan shaykh-shaykhnya jika ia mahu tinggal hotel buat beberapa malam dengan bayaran sendiri. Hotel yang sederhana biasa mengenakan bayaran sepuluh riyal seorang. Di dalam hotel-hotel seperti ini ada berbagai-bagai bilik – ada yang untuk dua orang, tiga, empat dan lima- keadaannya sangat sederhana tetapi lebih senang daripada tinggal di Madinah al-Haj.

Seseorang jemaah itu boleh pula berunding dengan shaykhnya jika ia mahu meneruskan perjalanannya ke Makkah dengan belanjanya sendiri iaitu lain daripada belanja-belanja yang sudah ditetapkan oleh kerajaan untuk bas atau lain-lainnya serta belanja shaykh Jeddah – ertinya ia boleh berjalan dengan belanja-belanja tambahan yang lain seperti bayaran teksi atau seumpamanya supaya pergi ke Makkah. Ini pun hendaklah mendapat persetujuan shaykhnya. Yang juga meminta izin kepada shaykh besar yang lebih berkuasa.

Bagi seseorang yang berada berbelanja begini tidaklah mengapa supaya dapat ia bersegera membantu ihramnya setelah menyempurnakan tawaf dan sa’ie di antara Safa dan Marwa.

Apabila sampai di Makkah maka kita akan singgah dahulu di rumah shaykh setelah berhenti pada satu masa maka shaykh akan memanggilkan seorang “mutawwif” iaitu seseorang yang memimpin kita untuk menyempurnakan tawaf umrah dan sa’ie bagi melepaskan ihram kita mengambil Haji Tamattu’

Bagi orang-orang yang baharu masuk ke Masjidil Haram dan melihat Ka’bah, walau bagaimanapun pandi-pandinya, ia akan terasa akan kehebatan baitul Allah itu sehingga terkadang-kadang ia tidak merasa dirinya berpijak dibumi dalam masa ia menjalankan tawaf itu bahkan ia tidak berupaya berbuat sesuatu kalau tidak dengan panduan “mutawwif”

Setelah sempurna¹ tawaf dan sa’ie maka hendaklah ia bercukur iaitu memadai dengan menggunting sehelai dua rambutnya dan kemudian bolehlah ia membuka ihramnya. Ia hendaklah berniat mukim di Makkah dan menunggu hingga tiba masa menunaikan ihram untuk haji pada hari yang kesembilan di Arafah. Begitulah dibuat hingga kelak sempurna pekerjaan-pekerjaan haji.

Bagi orang-orang yang tiba dengan kapal pertama, biasanya, lima atau enam hari sesudah haji akan diturunkan ke Jeddah dan akan belayar dengan kapal yang menunggu di sana - dan bagi orang-orang yang tiba dengan kapal akhirnya, lazimnya menunggu di Makkah sehingga mendapat kelulusan untuk pergi ke Madinah dan tidak balik lagi ke Makkah tetapi sesudah di Madinah akan menunggu kapal di Jeddah untuk belayar balik ke tanah air.

¹ Ejaan sebenar sempurna

Mustahak bagi seseorang haji itu membawa bekalan barang-barang kering untuk dimasak mereka selama di Makkah dengan sekadarnya atau membawa barang-barang yang dimasak yang tahan lama sebab kalau hanya membeli makanan sahaja di kedai-kedai biasanya tidak sesuai dengan nafsu kita dan menjadikan kita kurang nafsu makan. Ia berbahaya sebab akan melemahkan badan dengan sebab kurang cukup makan.

Bagi orang-orang yang hendak pergi ziarah ke Baitul Maqdis, sesudah mengerjakan haji hendaklah ia membawa bersertanya pasport Malaysia iaitu selain daripada pasport haji. Ia boleh meminta visa dengan tidak ada bayaran yang berlaku selama sebulan buat pergi ke Baitul Maqdis di kedutaan Jordan di Jeddah. Ia boleh membeli tiket kapal terbang terus ke Baitul al-Maqdis pergi balik dari Jeddah dengan syarat hendaklah pasportnya di cap visanya oleh kerajaan Saudi untuk membenarkannya masuk semula ke Jeddah sesudah ziarah itu. Pada masa dahulu perkara ini ada sedikit sulit tetapi sekarang khabarnya ada diberi kemudahan-kemudahan kerananya.

Kapal terbang ke Baitul Maqdis hanya ada berjalan dalam masa dua puluh hari sesudah haji – selain daripada masa itu pengunjung-pengunjung ke Baitul Maqdis hendaklah melalui Beirut

Patut disebutkan jauh benar bedanya keadaan-keadaan sekarang dengan keadaan lima, enam tahun dahulu. perjalanan ke Arafah tidaklah berasak-asak seperti dahulu lagi sebab banyak jurusan-jurusan jalan dibuat. Bekalan-bekalan air di mana-mana di antara Makkah dengan Arafah disediakan bahkan bila-bila masa kita boleh mendapat air bukan sahaja untuk minum tetapi juga untuk mandi. Kalau kita hendak mandi di paip umum tidak ada kena apa-apa bayaran tetapi kalau hendak mandi di tempat sendiri kenalah kita mengupah

orang mengangkatnya – upahnya inilah yang mahal.

Nisbah kepada pertadbiran untuk orang-orang haji masa sekarang jauh sangat memuaskan dan bertambah baik dari satu masa kesatu masa. Patut benar disyukuri jasa-jasa kerajaan Arabiah Saudi dalam menunaikan tugasnya untuk kebaikan orang-orang haji.



Buku yang mengandungi 155 muka, kertas lichen sunan saudara A.H. Edrus ini meliputi penuh segala rupa urusan yang berhubung dengan surat menyurat dalam semua bahagian hidup (kechuali surat cinta).

Harga sebuah \$2.00 dan tambah belanja pos register sebanyak 40 sen.

Alamat penerbit-nya ia-lah:

QALAM
356/358, GEYLANG ROAD,
SINGAPORE 14.